

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PERAK/PAHANG)

TARIKH: 5 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 30

Asid sulfurik tumpah di gudang syarikat kurier

KUANTAN - Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) dari Balai Bomba dan Penyelamat Gebeng dikerah bagi membantu membersihkan tumpahan asid sulfurik di gudang sebuah syarikat kurier di Indera Mahkota di sini pagi semalam.

Susulan laporan kejadian yang diterima jam 9.01 pagi itu, seramai 10 anggota Hazmat diketuai Komandernya, Penolong Kanan Penguasa Bomba Roslan Mat Din dan enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Indera Mahkota ke lokasi untuk tindakan pembersihan tumpahan asid sulfurik di lokasi.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Anuar Hassan berkata, ketika pihaknya tiba, pekerja syarikat terbabit mengambil tindakan awal dengan menabur tepung bagi menyekat tumpahan asid itu dan mengelak mengalir ke bahagian lain.

Menurutnya, operasi pembersihan segera dilakukan dengan menggunakan bahan chemical binder dan soda ash untuk menyekat asid serta membuat kerja-kerja membersihkan kawasan tumpahan.

"Tiada mangsa cedera ketika kejadian," katanya.



Anggota pasukan Hazmat melakukan operasi pembersihan kawasan tumpahan asid sulfurik di gudang sebuah syarikat kurier di Indera Mahkota semalam.